

Selagi UMNO jadi parti politik nasional — Mahathir

ALOR SETAR 11 Feb. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata selagi UMNO menjadi parti politik nasional di Malaysia, selama itulah ia dapat mengekalkan pemerintahan dalam negara.

Beliau menekankan bahawa untuk mengekalkan cita-cita tersebut, UMNO mestilah mendapat sokongan penuh dari seluruh rakyat dan segenap lapisan sepanjang masa.

Berucap merasmikan khemah kerja politik Pemuda UMNO Bahagian Kubang Pasu di Kampung Bukit, Daerah Kubang Pasu ini, Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO berkata, para pemimpin parti terutama yang lama dan tua harus sedar bahawa peredaran masa yang berlaku memerlukan perubahan dan penggantian.

Dalam konteks ini, golongan tua sekarang mempunyai tanggungjawab penting untuk mencari pengganti di kalangan muda yang ada untuk terus memimpin UMNO.

"Golongan tua juga mestilah memberi pimpinan yang wajar supaya orang yang akan menggantikan mereka benar-benar layak dan bertanggungjawab," katanya.

Ini memandangkan bahawa sejak ditubuhkan, adalah menjadi tujuan bagi UMNO mengumpulkan tenaga

bangsa Melayu dalam ikatan yang kuat bagi mengekalkan kedudukan mereka di negara sendiri.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang adalah kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat.

Contoh

Sebagai contoh dalam pembinaan seperti jalan bukan semata-mata untuk memberi hasil yang tinggi kepada kerajaan tetapi juga memberi khidmat kepada rakyat.

Beliau memberi jaminan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang sanggup bekerjasama dengan parti lain.

"Orang Melayu dalam UMNO sanggup memberi undinya kepada orang lain untuk menadbirkan negara ini secara aman bagi kebahagiaan rakyat sendiri," tambahnya.

Ini jelas berlaku dalam pentadbiran Parti Perikatan dulu dan Barisan Nasional sekarang di mana semua bangsa mempunyai hak dalam pemerintahan hasil undi yang diberi oleh rakyat yang juga terdiri dari undi orang Melayu.

Dr. Mahathir berpesan supaya setiap ahli UMNO bertindak melalui parti apabila menghadapi sesuatu masalah kerana ini adalah saluran yang telah ditentukan oleh UMNO.